



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM BIL.1/2017**

**TEMA: “MEMANTAPKAN INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI  
DALAM SISTEM PENYAMPAIAN AWAM”**

**DEWAN PERDANA NUR, KPWKM**

**12 JANUARI 2017**

## **(SALUTASI)**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat llahi, kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Pertama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi tahun 2017. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat tahun baru kepada semua warga KPWKM. Marilah kita berdoa supaya perjalanan kita sepanjang tahun 2017 akan diberkati dengan kekuatan mental dan fizikal serta kebijaksanaan bagi membolehkan kita memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan kebajikan kepada semua kumpulan sasar kita.
  
2. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang sudi hadir untuk menyaksikan sesi menandatangani Ikrar Bebas Rasuah Kementerian. Kehadiran SPRM akan mendorong dan meningkatkan lagi semangat warga kerja Kementerian untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti tinggi selaras dengan komitmen untuk menyempurnakan sistem penyampaian perkhidmatan kebajikan dengan cemerlang bagi menjayakan dasar *social inclusiveness*.

3. Inisiatif ini adalah amat tepat sekali sebagai satu peringatan bahawa untuk semua warga kerja Kementerian bagi mengamalkan budaya integriti dan akauntabiliti dalam melaksanakan tanggungjawab kita bagi menjayakan sistem penyampaian kita kepada kumpulan sasar. Kita perlu sentiasa memastikan segala perbelanjaan bagi pengurusan dan operasi serta bayaran perolehan diuruskan dengan betul dan teratur. Lebih penting lagi, dalam melaksanakan perbelanjaan ini kita perlu mengelakkan pembaziran dalam perbelanjaan dan menghindarkan diri daripada terlibat dalam penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan sumber kewangan.

## **INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI**

4. Saya ingin memetik kata-kata daripada C.S. Lewis, ahli akademik dari Britain, "***Integrity is doing the right thing, even when no one is watching***". Dengan itu, saya berharap warga Kementerian, jabatan dan agensi dapat sentiasa melakukan **perkara-perkara yang baik dan betul tanpa perlu dipantau sentiasa**. Peliharalah integriti kita sebagai penjawat awam sebaik-baiknya, kerana **tanpa integriti maka sia-sialah ikrar yang telah dilaungkan dan akujanji yang telah dimeterai**.
5. Suka juga saya memanjangkan amanat Perdana Menteri baru-baru ini iaitu penekanan terhadap tahun 2017 sebagai **tahun penyampaian atau deliver** di mana ia bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga memastikan ia mempunyai nilai kepada rakyat. Asas kepada penyampaian ini ialah integriti dalam penjawat awam.

6. Saya ingin menyeru supaya warga Kementerian memegang kepada konsep **ABCDE** terhadap pembentukan budaya integriti dan akauntabiliti ini. A ialah amanah, B ialah bijaksana, C ialah cekap, D ialah dedikasi dan E ialah efisien. Nilai-nilai ABCDE ini merupakan asas yang membentuk keperibadian seseorang kakitangan awam. Saya melihat kepada integriti bagi penjawat awam bila mana seseorang menjawat apa-apa sahaja jawatan yang diamanahkan dalam perkhidmatan kerajaan, penjawat awam terbabit perlu bertindak secara jujur dan amanah mengikut bidang kuasa dan tugasnya, telus, tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntabiliti serta patuh kepada segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.
7. Setiap kakitangan Kerajaan telahpun didedahkan kepada nilai dan etika dalam perkhidmatan awam. Masalahnya ialah nilai dan etika kerja baik ini tidak berakar umbi di dalam naluri hati kita. Oleh itu, kita wajar menghayati dan mengamalkannya sehingga menjadi satu tabiat dalam melaksanakan dan menyempurnakan kerja harian kita.

#### **PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN 2016:**

##### **ISM Ministerial Dialogue (ISMID)**

8. ISM juga telah menganjurkan **ISM Ministerial Dialogue** untuk menggalakkan perkongsian ilmu dan percambahan minda dalam isu-isu berkaitan pembangunan sosial negara. Dua siri program *ISM Ministerial Dialogue* telah berjaya diadakan yang melibatkan saya sendiri dan YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengupas topik Inovasi Sosial. Saya berharap dialog ini akan diteruskan lagi dengan lebih kerap dan dengan topik

yang lagi menarik supaya kita sama-sama dapat belajar dan mendapatkan input dan kerjasama dari semua *stakeholders* yang prohatin terhadap kumpulan sasar kita.

### **Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 [Akta A1511]**

9. Tahun 2016 turut mencatatkan kejayaan kepada Kementerian apabila pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 telah diluluskan dan diwartakan sebagai **Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 [Akta A1511]**. Saya berharap melalui pindaan ini, kebajikan dan keselamatan kanak-kanak di Malaysia akan lebih terjamin. Akta ini telah pun berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2017.

### **Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE)]**

10. Kementerian melalui LPPKN juga telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program yang memberi fokus kepada pengukuhan institusi keluarga dan komuniti iaitu **projek pembangunan model pengukuhan keluarga dan komuniti (FACE: Family and Community Empowerment)**. “Keluarga Bahagia, Negara Sejahtera” Sesungguhnya ungkapan ini amat tepat sekali untuk mencerminkan inti pati dan asas dalam dasar dan pelan tindakan yang dipelopori oleh KPWKM.

### **HALATUJU KPWKM 2017: Memperkasakan Komuniti**

11. Saya percaya tahun 2017 merupakan tahun yang mencabar bagi kita. Awal tahun baru kita diuji dengan situasi banjir yang berlaku di beberapa negeri terutamanya di Pantai Timur. Dengan keadaan yang tidak menentu ini, kita perlu lebih kreatif dan inovatif dalam

melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada masyarakat. Kerjasama yang terjalin antara pihak Kerajaan dan NGO boleh dijadikan agenda tetap dalam **memperkasakan komuniti** dan mengurangkan kebergantungan mereka kepada pihak Kerajaan.

### **Anugerah IFFD**

12. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang bakal menerima anugerah *International Federation for Family Development* (IFFD). Anugerah ini akan disampaikan pada satu majlis yang diadakan pada 8 Februari 2017 bertempat di Ibu Pejabat United Nations, New York. Saya difahamkan pengiktirafan ini diberikan kepada LPPKN di atas usaha holistik dalam meningkatkan kesejahteraan keluarga. Syabas LPPKN!

### **Penganjuran Majlis Antara Kerajaan Bagi Pengurusan Transformasi Sosial (MOST)**

13. Pelantikan saya sebagai **Presiden Majlis Antara Kerajaan Bagi Pengurusan Transformasi Sosial (MOST IGC) UNESCO** membuktikan bahawa pendekatan Kerajaan mewujudkan sebuah masyarakat inklusif berada pada landasan yang tepat. Platform ini harus kita gunakan sebaik mungkin dalam menjana perkembangan idea sosial dan ekonomi negara pada peringkat antarabangsa. Sehubungan itu, Malaysia akan menganjurkan *Asia-Pacific Ministerial Forum of Management of Social Transformation Programme* pada 20 – 23 Mac 2017 yang diterajui Kementerian. Penganjuran *Ministerial Forum* MOST di Malaysia ini merupakan

yang pertama dalam sejarah dengan penglibatan keseluruhan rantau Asia Pasifik. Penganjuran ini memerlukan komitmen yang tinggi daripada kita warga Kementerian sebagai urusetia bagi membuktikan Malaysia mampu menganjurkan mesyuarat penting bertaraf antarabangsa ini.

### **IWFCI Global Women's Trade Summit**

14. Salah satu lagi penglibatan Kementerian di peringkat antarabangsa adalah melalui kerjasama dengan *International Women's Federation of Commerce and Industry (IWFCI) Malaysia Chapter* yang akan menganjurkan IWFCI Global Women's Trade Summit pada 4 – 6 September di Kuala Lumpur. Sebanyak 12 buah negara akan menyertai forum ini yang merupakan salah satu platform untuk mengiktiraf peranan wanita di peringkat antarabangsa melalui forum perbincangan yang menyentuh mengenai perkembangan dunia perniagaan dan perindustrian.

### **Kebajikan Produktif**

15. Bercakap mengenai mengurangkan kebergantungan, KPWKM telah memperkenalkan konsep kebajikan produktif (*productive welfare*) sekian lama dan kini ia telah menjadi asas dalam Rancangan Malaysia Ke-11. **Kaedah KEBAJIKAN** tetap akan menjadi tunjang untuk menyokong keperluan dalam konsep ini.
16. Pendekatan ini mengambil kira usaha memberi motivasi, latihan dan kemahiran kepada kumpulan sasar kita supaya bersedia untuk bekerja dalam tempoh bantuan disediakan termasuk diberi latihan

kemahiran yang sesuai dengan keupayaan mereka. Saya ingin memberi peringatan kepada semua bahawa mulai tahun ini, konsep Kebajikan Produktif akan menjadi prinsip asas yang akan kita pegang dalam merancang segala program/aktiviti untuk semua kumpulan sasar.

### **Karnival Kebajikan**

17. Pada tahun lalu, JKM telah menganjurkan Hari Terbuka Kebajikan iaitu sambutan khusus bagi golongan sasar Jabatan. Justeru, pada tahun ini saya mencadangkan agar kita mengadakan Karnival Kebajikan bersempena dengan sambutan hari – hari utama Kementerian iaitu Hari Warga Emas, Hari Kanak-kanak Sedunia, Hari OKU dan Hari Sukarelawan. Karnival ini akan menjadi program ikonik Kementerian yang baru secara besar-besaran dan kerjasama daripada warga Kementerian adalah diharapkan.

### **Pembangunan Wanita**

18. Saya difahamkan Komuniti PERWANI 1Malaysia pada tahun ini akan dilaksanakan dengan memberikan tumpuan kepada dua (2) kluster iaitu kluster sosial dan kluster ekonomi. Pelaksanaan program akan melibatkan lebih banyak kerjasama secara NBOS dengan Jabatan dan agensi yang lain. Sehingga kini, terdapat seramai 13,044 kumpulan PERWANI dengan penyertaan seramai 170,693 orang ahli.

## **Perjuangan Masih Belum Selesai**

19. Tahun ini, saya juga ingin meminta semua pihak untuk memberi perhatian kepada 3 akta yang melibatkan kumpulan sasar kita iaitu Akta Pekerja Sosial, Akta Orang Papa dan Akta Keganasan Rumah Tangga.
20. Akta Pekerja Sosial adalah suatu akta baharu yang perlu kita perkenalkan dalam negara bagi menjamin kompetensi dan profesionalisma pekerja sosial dalam negara. Peredaran masa dan cabaran modenisasi yang dihadapi oleh masyarakat telah membawa impak yang besar kepada dimensi sosial, ekonomi, budaya dan kehidupan sejagat masyarakat. Justeru, pekerja sosial profesional yang berpengetahuan, berkemahiran serta kompeten dapat memberi **intervensi yang berkualiti dan penyelesaian yang terbaik ke atas masalah sosial yang kita hadapi.**
21. Sementara Akta Orang Papa dan Akta Keganasan Rumah Tangga pula adalah akta sedia ada yang memerlukan pindaan. Dalam menjalankan tugasan hari dan soalan-soalan yang dibangkitkan dalam Parlimen, kita sedar bahawa amalan penguatkuasaan terhadap mangsa keganasan rumah tangga dan orang papa terdapat isu-isu yang perlu diperbaiki. Contohnya kejadian golongan gelandangan yang semakin menjadi dan telah mendapat perhatian media beberapa tahun lepas serta isu mangsa keganasan yang tidak mendapat pelindungan serta-merta kerana proses perintah mahkamah mengambil masa. Eksesais pindaan akta inilah yang akan memberi peluang kepada kita untuk membetulkan keadaan

dan seterusnya memberi perlindungan yang lebih baik kepada kumpulan sasar kita.

22. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas atas kejayaan semua sepanjang tahun 2016. Menjengah tahun 2017 ini, diharap setiap antara kita dapat menjalankan tugas dengan penuh integriti dan berdedikasi bagi terus memacu kecemerlangan KPWKM. Setiap yang baik jadikan teladan dan apa yang buruk jadikan sempadan.

*Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.